## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 8 MEI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | SUBSIDY CLAIMS CAN BE MADE SOON, NATION, THE STAR -10<br>CHAN: GOVT AIMS AQUACULTURE ABLE PRODUCE FISH, SEAFOOD PRODUCTS UP TO 60 PER CENT, NEWS, GUANG MING DAILY -A6<br>CHAN AIMS AQUACULTURE INDUSRY ABLE TO BOOST SHARE TO 60 PER CENT, NATION, SIN CHEW DAILY -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4.<br>5. | MAQIS KESAN 820kg AKAR TERATAI DICEMARI TANAH, NASIONAL, BH -18<br>82 KOTAK AKAR TERATAI BERCAMPUR TANAH DIRAMPAS, MAHMAKAH & JENAYAH, SH -15 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6. | SIM SUGGEST GOVT CONTROL SALES ON SEED OF VEGETABLES, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 7. | POTENSI GAH MELON MANIS, LOKAL, HM -17 | AGROBANK |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | 'SALE OF PUFFER FISH MUST STOP', NATION, THE STAR -12<br>IKAN SEGAR KETIKA CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UM -10<br>BUAH TEMBIKAI CEPAT JADI ROSAK, LOKAL, HM -12<br>PETANI RUGI RATUS JUTA AKIBAT LAMBAKAN SAYUR, NEGARA, KOSMO -16<br>HARGA SAYUR MELAMBUNG LAGI, NEGARA, KOSMO -16<br>CUACA PANAS BANTU HARUMANIS CEPAT MASAK, NASIONAL, SH -10<br>HASIL TANAMAN LEBIH BANYAK DAN BERKUALITI, NASIONAL, SH -10 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | THE STAR | NATION | 10 |


# Subsidy claims can be made soon

## Agriculture Minister assures chicken farmers system being fine-tuned

**By ALLISON LAI**
allison@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Chicken farmers will soon be able to claim their subsidy for chicken eggs once the government's online system is fine-tuned, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said an announcement on this would be made "very soon".

This is after the government's announcement on Feb 27 that the subsidy for chicken eggs will continue until June involving a total cost of RM1.28bil, ahead of the expected floating of chicken and egg prices after that month.

Mohamad said his ministry had received approval for the subsidy allocation from the Finance Ministry to make the payment.

"The ministry is making improvements for the convenience of farmers to submit their applications online.

"The application opening date will be announced very soon," he told *The Star*.

Mohamad said the floating of the prices of chicken and eggs would be under the Domestic Trade and Costs of Living Ministry.

"It is hoped that with the extension of subsidies until June 30, breeders of broiler and egg-laying chicken will be able to continue producing chicken and eggs to ensure stable supply and meet public demand," he said.

> "The ministry is making improvements for the convenience of farmers."
>
> Datuk Seri Mohamad Sabu

On Feb 22, Mohamad said the prices of chicken and eggs were expected to be floated after June as part of the government's efforts to overcome food shortage.

He said the prices would be floated so that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry could monitor and assess the fluctuations in the prices of the goods compared to the current ceiling price system.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said that the government was still finalising the details before floating the prices of chicken and eggs.

"We are still engaging with all industry players as we want to ensure that the impact on the rakyat is minimal when prices are floated.

"We are still having the Hari Raya celebration now and there will be Gawai Festival and several other celebrations next, so the government doesn't want the rakyat to suffer by removing the ceiling prices at an inappropriate time," he said when contacted.

Salahuddin said another meeting with all stakeholders would be held next week to discuss more on the price floating mechanism.

When contacted, Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) life honorary president Kwei Yew Tong said it was rather "premature" to talk about the price floating mechanism now as they had not heard any details from the government.

"We have not been able to file our applications for chicken egg subsidies since January this year although the government said that a subsidy would be given.

"That has not been settled yet, so to talk about what may happen after June is premature," he said, adding that all members were still waiting for more clarity and information on the matter.

QL Resources Bhd director Chia Seong Pow said some farms were experiencing cash flow problems due to the delay in subsidy claims since January.

"With the subsidy not in sight, the collection of the farms is below the cost amount, which is not enough to cover operational expenditure," he said.

QL is one of Malaysia's leading chicken egg producers.

While a ceiling price would help when there was a food supply problem, Chia said it would be better to let the market decide the demand for eggs and their supply, and prices.

"If there is enough subsidy, it is okay. But when the subsidy comes slowly, farmers will run into trouble.

"Letting the market float will at least let farmers project their production to have a sufficient collection and cash flow for their daily operation," he said.

Chia noted that farmers were looking forward to the price float implementation for chicken and eggs.

"Since the subsidy is given until June and the government said the prices will be floated after that, we see how it goes from July onwards. That's our interpretation," he said.

The subsidy scheme is a form of compensation to farmers who have been producing chicken eggs at a loss following the government's implementation of the price control ceiling.

On Dec 30, 2022, the Statistics Department (DOSM) said the government paid subsidies ranging from 60sen to RM1.40 per kg of chicken from February to October 2022, and between 3sen and 8sen per egg during the same period.

The data in the "Report of Special Study on Production Cost of Chicken and Egg, 2022" showed that while the costs to produce eggs varied in each state, they were generally higher than the ceiling price.

It said production costs for chicken tended to fluctuate above and below the maximum allowable prices.

Last year's production costs for Grade A eggs in Malaysia were 53sen per egg, 51sen for Grade B eggs and 49sen for Grade C eggs, with the cost averaging out to 48sen per egg.

However, egg production costs vary by state, with Negri Sembilan having the highest in the analysis.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan : Govt aims aquaculture able produce fish, seafood products up to 60 per cent | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 08 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,424 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,273 |



## 陳泓縑：減少依賴海產資源

# 放眼水產養殖增至60%

（巴生6日讯）政府放眼在2030年前，国内渔获生产中的水产养殖占比能提高到60%。

农业和粮食安全部副部长陈泓缣表示，随着大马的人口不断增长，对于食品的需求也在增加，因此农粮部正研究和计划增加水产养殖产量，以减少通过捕鱼来获取海产资源依赖。

部长昨晚出席国内鱼产龙头双龙集团（DTS）22周年庆晚宴表示，政府拟定的2021至2030年国家农业粮食蓝图（DAN 2.0）中立下将水产养殖的占比能提高到60%的目标。

他补充，为了实现这愿景，农粮部希望所有行业参与者都能给与大力支持，同时若对该部的政策有任何建议、想法或问题，欢迎向政府提出。

班达马兰州议员梁德志致词时祝愿双龙集团能够早日实现上市目标。

双龙集团创办人兼首席执行员程晋强则预告，该公司已做好准备进军中国“预制菜”市场。

出席晚宴嘉宾包括班达马兰州议员梁德志、渔业局总监拿督安南、企业闻人丹斯里林宽城和拿督斯里陈广耀、双龙集团生意伙伴郑加达、董事程来运和程顺强、星洲日报中马区副总经理郭富广和业务经理（中马区）李美玲。（LPP）



■程晋强（左）赠送水果礼篮给陈泓缣。中为梁德志。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan aims aquaculture industry able to boost share to 60 per cent | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 08 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 10 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 199 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,030 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,091 |






程晋强（左三）率领嘉宾和董事向全场嘉宾敬酒。左起为程顺强和梁德志；右起为郑加达、程来运、安南和林宽城。（陈炟谕摄）

### 陳泓縑：減少依賴海洋資源

# 放眼水產養殖佔比60%

（巴生6日讯）农业和粮食安全部副部长陈泓缣表示，政府放眼在2030年前，国内渔获生产中的水产养殖占比能提高到60%。

他周六晚出席国内渔产龙头双龙集团（DTS）22周年庆晚宴表示，尽管我国拥有得天独厚的资源和海产，但随着大马的人口不断增长，对于食品的需求也在增加，若捕鱼活动没有采取补救措施，国人未来可能面临水产短缺窘境。

他说，农粮部正研究和计划增加水产养殖产量，以减少通过捕鱼来获取海产资源依赖。

“根据数据显示，我国2010至2021年，水产养殖只占全国渔获产量21至30%，其余的70至79%渔产都是透过沿海或深海捕鱼所得。”

**确保保障满足食品需求**

陈泓缣指出，政府拟定的2021至2030年国家农业粮食蓝图（DAN 2.0）中，农粮部就有定下目标，将水产养殖的占比能提高到60%。



程晋强（左）赠送水果礼篮给陈泓缣。中为梁德志。（陈炟谕摄）

他说，农粮部于2023年起，已将水产养殖业列为该部五大专注的重点方向之一，确保能保障和满足国内食品需求，并减少水产品的进口。

“我们希望能借此减少依赖天然海洋资源，同时能通过水产养殖增加收入。”

他补充，为了实现这愿景，农粮部希望所有行业参与者都能给与大力支持，同时若对该部的政策有任何建议、想法或问题，欢迎向政府提出。

## 梁德志：雙龍業務發展成楷模

班达马兰州议员梁德志表示，双龙集团从一开始以2000令吉资本起家，如今已成为国内水产养殖生态链最重要的龙头之一。

他说，该公司也从原本几人的规模，如今发展到几十家子公司，上百名员工，是许多业者的楷模。

“我了解到双龙集团有意朝向上市，期望双龙集团能尽快实现上市目标。”

**程晋强：**
**将进军中国“预制菜”市场**

双龙集团创办人兼首席执行员程晋强宣布，该公司已做好准备进军中国“预制菜”市场。

他说，预制菜是宅经济催生下的产物，也是囤菜下居民的新宠，根据2022年中国预制菜行业发展趋势研究报告显示，2021年预制菜市场规模已达到人民币3459亿元（约2230亿令吉），预计2026年突破人民币万亿元。

“在如此乐观的前景，我对双龙集团未来的业务充满信心。”

出席晚宴嘉宾包括班达马兰州议员梁德志、渔业局总监拿督安南、企业闻人丹斯里林宽城和拿督斯里陈广耀、双龙集团生意伙伴郑加达、董事程来运和程顺强、星洲日报中马区副总经理郭富广和业务经理（中马区）李美玲。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# MAQIS kesan 820kg akar teratai dicemari tanah

**Iskandar Puteri:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 820 kilogram (kg) akar teratai dicemari tanah di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini, kelmarin.

Pengarah MAQIS Negeri Johor, Edie Putra Md Yusof, berkata hasil pemeriksaan oleh pegawai penguasa mendapati akar teratai itu dimuatkan dalam 82 kotak bernilai RM7,000 dan dibawa masuk dari Singapura.

"Pemeriksaan terhadap sebuah lori yang membawa pelbagai jenis sayur-sayuran pada jam 2.50 petang semalam (kelmarin) menemukan muatan 1,060 akar teratai dan 820kg sayur itu dicemari tanah.

"Sayur tercemar ini disorokkan di bahagian bawah dan ditindih menggunakan kotak sayuran bersih bagi mengaburi mata pegawai pemeriksa dan telah ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, mengimport produk pertanian dengan kehadiran perosak, penyakit atau bahan cemar adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah seksyen sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Edie Putra berkata, MAQIS sentiasa memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikro organisme yang diimport bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 15 |

# 82 kotak akar teratai bercampur tanah dirampas

FOTO MAQIS



Akar teratai dicemari tanah dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Iskandar Puteri, Johor pada Sabtu.

**ISKANDAR PUTERI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 820 kilogram (kg) sayur jenis akar teratai dicemari tanah di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini pada Sabtu.

Maqis dalam satu kenyataan memaklumkan, hasil pemeriksaan oleh pegawai penguasa mendapati akar teratai dimuatkan dalam 82 kotak bernilai RM7,000 itu dibawa masuk dari Singapura.

"Pemeriksaan terhadap sebuah lori yang membawa pelbagai jenis sayur-sayuran pada jam 2.50 petang itu, telah menemukan muatan 1,060 sayur jenis akar teratai dan mendapati sebanyak 820kg sayur tersebut dicemari dengan tanah.

"Sebanyak 820kg sayur tersebut dimuatkan di dalam 82 kotak sayur bertanah yang disorokkan di bahagian bawah dan ditindih menggunakan kotak sayuran yang bersih bagi mengaburi mata pegawai pemeriksa," tambah kenyataan itu pada Ahad.

Jelas kenyataan itu, mengimport produk pertanian dengan kehadiran perosak adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah seksyen sama.

"Jika sabit kesalahan, pihak terbabit boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim suggest govt control sales on seed of vegetables | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 08 May 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 106 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,347 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,041 |



# 建議控制蔬菜種子銷售

## 沈志勤：防過度種植供應過剩

（檳城7日讯）峇央峇鲁区国会议员沈志勤建议农业及粮食安全部，可以尝试控制蔬菜种子的销售，以防止过度种植，进而解决蔬菜供应过剩的问题。

沈志勤曾经担任农业及农基工业部副部长，他今日发文告说，最近国内发生史上最大的毁菜问题，是由2个因素造成，即菜农缺乏市场信息且毫无计划地种植，加上假期延长导致需求低迷。

他说，毁菜导致菜农面临数亿令吉的损失，毁菜不是新鲜事，每年都会发生，所以政府必须解决此问题。

"无论如何，蔬菜市场的失衡并不容易克服，因为涉及数十万的菜农、进口商、批发商、供应链运营商及最终的买家。"

他建议，通过研究供给端，即蔬菜种子的供给来克服平衡。

### 农部应登记种子销售商

他说，通过实施种子销售限额，农业部应对各地种子销售商进行登记，并根据市场信息，每个月下发种子销售配额，而配额应由不同利益相关者组成的委员会设定。

他举例，包菜市场需求量为每个月100万个，应限制每个月约110万颗种子的销售配额。

他认为，市场信息非常重要，它必须从所有利益相关者处获得，包括农民、批发商、进出口经营者、大马联邦农业销售局（FAMA）、大马检疫及检验服务局（MAQIS）、大马统计局和各部门。

他强调，准确的信息才能保证市场的稳定，蔬菜供应端将始终保持稳定。

"这种方法已在荷兰和欧洲等先进国实施，他们的农民也遭受毁菜和损失，最后农民和政府共同努力，找到了拯救农民的办法。"

他说，此方法实施行并不容易，他呼吁农业及粮食安全部研究"种子销售配额"的可行性。

他说，政府也应研究不受进口商控制的蔬菜进口猖獗问题，因进口量过高将导致市场供应过剩，也是此次毁菜的因素之一。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Potensi gah melon manis

## *Agrobank giat lahir ramai usahawan siswazah melalui kerjasama dengan UniSZA*

Oleh Nurul Fatihah Sulaini
am@hmetro.com.my

**Besut**

Agrobank giat melahirkan lebih ramai usahawan siswazah melon manis di Terengganu melalui kerjasama strategik Program Inkubasi Usahawan Tanaman Melon Manis Terengganu dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu berteraskan konsep *seed funding* oleh Agrobank untuk memberi peluang kepada usahawan yang terpilih mempelajari teknik tanaman selain membantu mereka menjana pendapatan secara berterusan.

"Program ini adalah inisiatif kali kedua dengan nilai keseluruhan peruntukan dana berjumlah lebih RM200,000 yang memberi manfaat kepada lebih 10 peserta.

"Melalui Agrobank Centre of Excellent (ACE), kami menerapkan minda keusahawanan kepada usahawan terpilih, membimbing mereka mahir menguruskan kewangan selain melengkapkan mereka dengan kemahiran pemasaran digital serta perancangan perniagaan," katanya ketika di Majlis Penyerahan Sumbangan Program Inkubasi antara Agrobank dan UniSZa di tapak Farm Melon Manis Terengganu (MMT), UniSZA Kampus Besut di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Badrul Hisham Mohd.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniSZA, Prof Dr Zuhairah Ariff Abd Ghadas, Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Terengganu, Adam Mamat, Ketua Pejabat Wilayah Negeri Terengganu Bank Negara Malaysia, Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini dan Pengarah Jabatan Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan Ko Sahabat iaitu koperasi di bawah naungan UniSZA untuk memberi bimbingan serta latihan proaktif kepada usahawan berkenaan.

"Ia bagi memastikan projek ini tersusun rapi hingga mampu menghasilkan tanaman yang baik dari segi kualiti buah serta keuntungan hasil," katanya.

Beliau berkata, pada sesi pertama program itu tahun lalu, nilai keuntungan mencecah hampir RM50,000 selama enam bulan.

"Kita percaya tanaman melon manis ini berpotensi dikomersilkan ke peringkat lebih jauh hingga ke luar negara.

"Usaha sedang giat dilakukan untuk membantu usahawan ini dengan memasarkan hasil tanaman mereka ke luar negara," katanya.




BADRUL Hisham (tiga dari kiri) menyaksikan penyerahan sumbangan dana pada Program Inkubasi Antara Agrobank dan UniSZA di tapak Farm Melon Manis Terengganu (MMT) di Besut. - Gambar NSTP/NURUL FATIHAH SULAINI



BADRUL Hisham (kiri) melihat buah melon manis di tapak Farm Melon Manis Terengganu (MMT), UniSZA Kampus Besut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | THE STAR | NATION | 12 |


# 'Sale of puffer fish must stop'

## Industry group: Fishermen must remember the health risks to customers


By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my


**JOHOR BARU:** Fishermen and fishmongers around the country have been urged to immediately stop selling the poisonous puffer fish (ikan buntal) to prevent the risk to people's health.

Malaysia Fish Suppliers' Association deputy president Tai Wai Sun said the fish was still being sold in the market despite reports of fatalities from eating it.

"The elderly couple from Kluang, who died after consuming the fish in March, is not a one-off incident as there have been similar cases, including one in Kulai last year.

The fish contains toxic enough to kill a person even when ingested as little as 25mg.

"I urgently appeal to fishmongers and suppliers to refrain from selling the fish as it brings dire consequences to those consuming it, including poisoning and death," he said during the Johor Baru Fish Suppliers' Association 44th anniversary celebration here yesterday.

On March 25, 84-year-old Ng Chuan Sing @ Eng Kuai Sin and his wife Lim Siew Guan, 83, ate puffer fish after buying and cooking it for lunch on March 25. It caused the elderly woman to experience breathing difficulties and shivers.

She died later that evening while Ng, who showed similar symptoms, slipped into a 10-day coma in the intensive care unit before succumbing on April 8.

On March 30, former Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said puffer fish which contain dangerous toxins were not allowed to be sold in Malaysia under Section 13 of the Food Act.

Tai, who is also the association's Johor Baru chairman, said puffer fish could usually be found in fishing nets inadvertently along with other types of catch.

"When the fishermen sort their catch, creatures such as small fish, crabs and puffer fish are rejected as these are deemed unsafe for consumption or do not have market demand.

"The rejected catch would either be discarded back into the sea or ground into a paste as fish feed at our *kelong* (offshore platform).

"But as experienced fishermen, we would throw away the puffer fish as it is unsafe even for our fish to consume.

"However, some fishermen will choose to keep the puffer fish, gutting and cleaning it before selling this for about RM15 per kg," he said, adding that he is aware of many who still sell the fish.

Tai said that in Japan, only trained and licensed handlers were allowed to handle the fish, whereas its processing and handling here was usually done by foreign workers employed by the fishermen.

"There are more than 120 species of puffer fish worldwide but only two types are considered safe to consume.

"The probability of consuming poisonous ones is quite high so it is better for them to refrain from selling puffer fish at all," said Tai, urging fishmongers and suppliers to do the right thing.

Last Thursday, the couple's daughter Ng Ai Lee posted on her Facebook, calling for authorities to look into those selling puffer fish on social media.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |



# Ikan segar ketika cuaca panas

KETIKA cuaca panas melanda beberapa negeri termasuk di Terengganu, seorang nelayan Mohammad Bakar dari Setiu tidak merungut tetapi terus mencari rezeki dengan keluar ke laut.

Bagi Mohammad, dia gembira bukan sahaja tangkapan ikannya setiap hari tidak terjejas ketika musim panas tetapi mempunyai pelanggan setia untuk membeli ikan segarnya.

Ikan yang baru didaratkan sebahagian besarnya terus dijual kepada pelanggan atau peraih di Jeti Muara Kuala Merang.

■ NELAYAN tempatan, Mohammad Bakar, 45, (kiri) melakukan rutin harian memunggah hasil tangkapan sejurus tiba ke darat di Muara Kuala Merang di Setiu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |



PENANGAN CUACA PANAS

# Buah tembikai cepat jadi rosak!



Jitra

Beberapa peniaga buah tembikai di negeri ini mendakwa mengalami kerugian akibat lambakan buah itu selain keadaan cuaca panas yang menyebabkan tembikai yang disimpan menjadi cepat rosak.

Abdul Azis Dogoi, 68, berkata selain itu jualan ketika musim panas ini sedikit merosot dan menjejaskan pendapatannya, sekali gus berhadapan masalah untuk menampung kos perniagaannya.

"Jualan semasa musim panas ini, agak kurang laris tapi masih ada pelanggan yang beli, cumanya harga buah gred A boleh turun sehingga RM2 sekilogram, tapi dengan keadaan sekarang saya tetap kena jual RM3 sekilogram, sebab hendak bayar lori, pekerja dan plastik," katanya.

> "Pengeluaran buah tembikai tidak berapa elok, kerana cuaca terlampau panas
> Kso

Abdul Azis yang menjalankan perniagaan di Ayer Hitem, Jerlun berkata kebiasaannya dia mendapatkan stok tembikai sebanyak 10 tan daripada pekebun untuk tempoh dua minggu, namun kira-kira satu tan akan mengalami kerosakan ekoran cuaca panas dan terpaksa dibuang.

Sementara itu, Khairul Anuar, 46, yang menjual tembikai di gerai jualan di sini, turut terkesan dengan penurunan harga tembikai yang berlaku akibat lambakan buah tersebut dan terpaksa menanggung kerugian apabila sekitar 500 hingga 600 kilogram buah tembikainya rosak.

"Modal untuk selori dalam anggaran RM30,000 dan harga tembikai merudum dari RM5 sekilogram turun ke RM1 sekilogram, rosak pun banyak juga," katanya yang turut menyatakan lambakan tembikai ketika ini turut didorong peningkatan pengeluaran di negeri lain termasuk Kelantan dan Terengganu.

Dalam pada itu, seorang pemilik kebun tembikai, Kso Seong Guan, 68, yang menanam tembikai sejak lebih 30 tahun lalu berkata cuaca panas yang berpanjangan ketika ini menyebabkan tanamannya tidak dapat berbuah dengan baik.

"Pengeluaran buah tembikai tidak berapa elok, kerana cuaca terlampau panas dalam jangka masa yang panjang menyebabkan pembesaran tembikai terbantut, tidak bulat, dulu negeri lain datang ambil (tembikai) di Kedah, tetapi sekarang tidak lagi kerana mereka sudah menghasilkan buah sendiri," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Petani rugi ratus juta akibat lambakan sayur

**GEORGE TOWN** – Para petani di negara ini didakwa menghadapi kerugian besar sehingga ratusan juta ringgit akibat berlakunya lambakan sayur-sayuran berikutan beberapa faktor terutama cuti yang berpanjangan, baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, antara kumpulan petani yang paling terkesan adalah di Cameron Highland, Pahang; Perak dan Johor.

Menurutnya, faktor lain yang menyebabkan berlakunya lambakan sayur-sayuran terbesar dalam sejarah kali ini adalah disebabkan kekurangan info pasaran dan penanaman tanpa perancangan oleh pihak petani.

"Lambakan sayur-sayuran bukan perkara baru, ia berlaku saban tahun dan menyebabkan kerugian teruk kepada para petani. Maka, perkara ini harus diatasi.

"Bukan senang untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan dalam pasaran sayur-sayuran yang begitu kompleks yang melibatkan ratusan ribu petani.

"Pengimport, pemborong, pengusaha rantaian bekalan dan akhirnya pembeli sayur-sayuran," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau yang juga bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani turut mencadangkan supaya pihak berkaitan mengkaji bahagian bekalan (*supply side*) iaitu bekalan benih sayur-sayuran bagi mengatasi keseimbangannya.

"Untuk mengatasi masalah bekalan terlalu tinggi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan terutamanya Jabatan Pertanian boleh cuba mengawal penjualan bekalan benih sayur-sayuran supaya tidak berlaku penanaman berleluasa.

"Contohnya, jika permintaan pasaran kobis adalah 1 juta biji sebulan, maka penjualan benih harus dihadkan kuota jualan lebih kurang 1.1 juta benih sebulan. Jika benih dihadkan dengan kouta, maka penanaman berlebihan boleh dielakkan," jelasnya.

Dalam pada itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sedang giat mengambil langkah bagi mengurangkan impak cuaca panas terhadap sektor pertanian di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFS, Datuk Badrul Hisham Mohd. berkata, cuaca panas disebabkan fenomena El Nino pada masa ini berisiko untuk menjejaskan sehingga 30 peratus hasil pertanian negara.

Sehubungan itu, beliau berkata, MAFS telah menaik taraf infrastruktur pertanian termasuk menyediakan pam-pam tambahan di seluruh negara.

"Pam-pam itu akan digunakan bagi menyedut sumber air berhampiran sekiranya hujan tidak turun (di kawasan pertanian terbabit).

"Selain itu, kita juga akan memastikan sistem pengairan mencukupi bagi menyokong tanaman padi di seluruh negara," katanya di kampus Universiti Sultan Zainal Abidin Tembila di sini semalam.

---

Cuaca panas didakwa jadi punca kenaikan makanan itu

# Harga sayur melambung lagi

**Oleh HASLIZA NUSI, SYAHRATUL AUFA SHAHARUDDIN dan NIK NUR IMAN WAHYU NIK AZWADI**

**PETALING JAYA** – Sebulan reda isu harga sayur naik ketika Ramadan lalu, harga sayur kini kembali naik sehingga meresahkan peniaga dan pembeli ketika ini.

Kali ini, faktor cuaca panas terik didakwa menjadi punca kenaikan harga itu yang berlaku sejak Selasa lalu.

Tinjauan *Kosmo!* di Lembah Klang mendapati, pembeli di Pasar Basah Jalan Othman mengeluh ekoran harga barangan mentah terutamanya sayur-sayuran meningkat naik ketika cuaca panas yang melanda negara pada ketika ini.

Seorang pembeli yang mahu dikenali sebagai Fatimah Hussein, 42, berkata, dia yang sering menjadikan pasar besar itu sebagai lokasi membeli barangan mentah berasa terbeban dengan kenaikan harga sayur-sayuran.

"Saya sebagai pembeli rasa sangat terbeban dengan harga sayur yang semakin naik. Limau kasturi dengan cili pun dah naik harga sekarang. Kalau dulu limau kasturi 100 gram RM2.90 sekarang cecah RM4.50.

"Cili daripada RM10 untuk 1 kilogram menjadi RM14. Saya tak tahu puncanya daripada peniaga atau pembekal sendiri. Tapi saya harap masalah ini tak berlarutan," katanya.

Menepis dakwaan peniaga sengaja menaikkan harga barangan mentah, seorang peniaga sayur-sayuran, Lim They, 64, berkata, dia terpaksa menaikkan harga barangan jualannya.

"Kalau tak naikkan harga, saya tidak untung," katanya.



**PENIAGA menjual sayur-sayuran di Pasar Basah Jalan Othman, Kuala Lumpur semalam.**

Jelas Lim They, cuaca panas yang melanda negara menyebabkan bekalan sayur-sayuran seperti sawi, tomato, daun ketumbar dan lain-lain tidak mencukupi sehingga pembekal menjual harga sayur dengan mahal kepada peniaga seperti mereka.

"Saya ambil sayur daripada pembekal dengan harga mahal. Daun ketumbar biasa ambil RM30 sekilogram, sekarang sampai cecah RM60. Stok terhad pada musim panas ini. Tak boleh buat apa, saya juga cari makan," ujarnya.

Di **Pulau Pinang**, seorang peniaga sayur di pasar awam daerah Barat Daya, Izam Abd. Hamid, 42, berkata, dia terpaksa menerima hakikat berlaku kenaikan ketara bagi dua jenis sayur-sayuran secara berperingkat iaitu lebih RM1 sehingga semalam

Jelasnya, sayur kacang buncis sebelum ini dijual pada harga RM8 hingga RM10 sekilogram, manakala sawi RM4 hingga RM5.

"Ada hari naik RM1, ada hari kurang RM1. Kenaikan harga dua jenis sayur ini berlaku sejak Selasa lalu sehingga hari ini (semalam).

"Perkara ini berlaku mungkin disebabkan cuaca panas terlampau dan hujan yang tidak menentu," katanya di sini semalam.

Ujar Izam, sebagai peniaga dia turut bersimpati dengan para pelanggannya berikutan kenaikan harga mendadak, namun terpaksa berdepan dengan situasi yang berlaku.

Seorang lagi peniaga sayur yang hanya mahu dikenali sebagai Ah Seng, 50, pula menggesa pihak berkaitan memantau kenaikan harga sayur-sayuran diperingkat pembekal terutama selepas perayaan Aidilfitri ini.

"Sayur seperti sawi yang disenarai dalam harga kawalan juga turut naik sehingga RM9 berbanding harga kawalan yang ditetapkan RM5 sekilogram," jelasnya lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/5/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

Pengeluaran harumanis lebih awal tetapi jualan perlahan kerana orang ramai baru sambut Aidilfitri

# Cuaca panas bantu harumanis cepat masak

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
KANGAR

Musim panas yang melanda negara ketika ini mempercepatkan proses harumanis menjadi matang dan cepat masak pada tahun ini.

Ketua Kelompok Harumanis Kampung Tanah Pasir di Beseri, Idris Ahmad, 59, berkata, tempoh harumanis masak adalah 56 hari daripada tarikh buah itu dibungkus.

Menurutnya, pengeluaran harumanis pada tahun ini lebih awal disebabkan cuaca panas dan jualan agak perlahan berbanding tahun lalu kerana orang ramai baru menyambut Aidilfitri.

"Pengeluaran harumanis awal sikit daripada tarikh sepatutnya kita pungut buah. Macam tahun ini musim panas jadi buah pun terpaksa percepatkan tempoh pungut.

"Ikutkan tarikh 23 April kita pungut, tetapi dengan raya kita berubah tarikh pada 26 April jadi buah pun akan masak di pokok.

"Kalau buah masak di pokok selalu kita tak pasarkan lah. Kalau kita nak jual pun untuk orang tempatan. Bila jadi macam itu, petani-petani tidak tahu ke mana buah ini nak dihantar apabila buah terlalu banyak, permintaan pula rendah," katanya.



IDRIS



HAFIZZUDDIN

Dia berkata demikian ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Kelompok Harumanis Kampung Tanah Pasir di Beseri baru-baru ini.

Seorang lagi ahli kelompok Harumanis Kampung Tanah Pasir, Shahidan Sudin, 63, juga mengakui proses jualan agak perlahan dan dia menjualnya secara runcit di Perlis termasuk negeri berdekatan seperti Kedah dan Pulau Pinang.

Menurutnya, Pusat Pengumpulan Kelompok Harumanis Kampung Tanah Pasir turut menerima buah daripada 145 pekebun di kawasan sekitar untuk membantu mereka menjual buah tersebut.

"Pengambilan buah daripada petani sekarang dihentikan buat sementara waktu kerana bimbang lambakan berlaku dan boleh menyebabkan buah harumanis rosak," ujar Shahidan.

Sementara itu, Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Hafizzuddin Othman berkata, jabatan tersebut melantik sebuah syarikat untuk memasarkan buah berkenaan secara dalam talian bagi membantu pekebun harumanis.



Hafizzuddin (dua dari kanan) melihat proses rawatan air panas ke atas mangga harumanis yang telah diambil daripada ladang di Beseri, Perlis.

Menurutnya, bagi pasaran di Perlis, buah tersebut dijual pada harga antara RM25 sehingga RM45 sekilogram mengikut gred manakala mangga harumanis jenis premium pula di jual sekitar RM140 untuk tiga kilogram.

"Selain itu, pelanggan juga boleh membeli buah ini melalui platform media sosial yang disebarkan oleh orang ramai ataupun oleh peniaga-peniaga sendiri.

"Apabila jualan harumanis dijual secara dalam talian, maka pembeli berada di mana sahaja boleh dapatkan harumanis dalam tempoh yang amat singkat," kata Hafizzuddin lagi.

## Hasil tanaman lebih banyak dan berkualiti

SHAH ALAM - Tidak semua pertanian di Malaysia terkesan dengan cuaca panas yang melanda negara contohnya seperti penanaman sayur-sayuran.

Menurut Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, cuaca panas telah memberi impak positif kepada penanaman sayur-sayuran kerana keadaan itu menyebabkan hasil pengeluaran lebih banyak dan berkualiti tinggi.

"Sebagai petani yang menanam sayur-sayuran, kami tidak mengalami sebarang kemerosotan hasil tanaman disebabkan oleh cuaca panas.

"Sebenarnya dalam sektor pertanian cuaca itu (panas) adalah baik untuk pertanian selagi mana tanaman memperoleh air yang mencukupi," katanya kepada *Sinar Harian*.



EE MONG

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan cuaca panas yang melanda negara ketika ini dijangka berlanjutan sehingga Ogos ekoran perubahan kitaran musim kepada Monsun Barat Daya.

Dalam pada itu, Ee Mong menjelaskan pihaknya tidak mengalami masalah kemerosotan hasil tanaman, sebaliknya berlaku lebihan sehingga terpaksa dibuang.

Bagaimanapun, sekiranya cuaca terlampau panas sehingga suhu mencecah 40 darjah Celsius, keadaan itu akan beri kesan kepada pertanian.

Jelasnya, apabila cuaca terlampau panas, ia akan meningkatkan risiko serangan serangga perosak yang mengakibatkan tanaman tidak berkualiti dan hasil pengeluaran merosot.

Pada masa sama, Ee Mong berkata, suhu ideal untuk bercucuk tanam adalah sekitar 35 darjah Celsius.